

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A

[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "Sebagai guru, _____ mestilah ikhlas mendidik murid sehingga berjaya," pesan pengetua kepada guru-guru.
- A kita
 - B anda
 - C saya
 - D kami
- 2 Muthu tidak _____ untuk membuat terjunan lompat kerana dia gemar akan aktiviti lasak.
- A keliru
 - B gentar
 - C curiga
 - D kecewa

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Nenek *mencabut* ubi kayu yang ditanamnya di belakang rumah.
II Cikgu Suraj tidak mahu *mencabut* usulnya setelah berfikir dengan telitinya.
III Pengetua *mencabut* nombor bertuah untuk memilih pemenang sempena program merentas desa.
IV Cikgu Ayuni menegur murid-murid nakal itu kerana mereka suka *mencabut* dan bercakap kasar.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 4 I Suasana aman dan tenang di negara kita *jauh* lebih baik daripada di negara orang.
II Bakhtiar menaiki bas untuk ke sekolah kerana rumahnya agak *jauh* dari sekolah.
III Chin Wei membuang perasaan sedih itu *jauh* kerana dia mahu memberikan tumpuan terhadap pelajarannya.
IV Dhila *jauh* dengan sikap kawan-kawan sekelasnya yang suka cakap lepas tanpa mempedulikan perasaannya.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5 Laporan Program Sihat dan Cergas itu telah disediakan oleh saya semalam.

- A saya sediakan
- B disediakan saya
- C saya menyediakan
- D disediakan oleh saya

6 Tolong jangan berebut-rebut semasa membeli makanan di kantin sekolah.

- A Jangan merebut
- B Jangan merebutkan
- C Jangan berebut-rebut
- D Tolong jangan berebut-rebut

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Saufi tetap berusaha untuk menamatkan lariannya walaupun kakinya sakit.
- II Sekalian murid tingkatan tiga mengikuti ceramah keselamatan di dewan sekolah.
- III Guru kelas berasa bangga kerana murid-murid Tingkatan 3 Dinamik pintar-pintar dan rajin-rajin.
- IV "Pihak kami akan memantau tahap kesihatan emak puan dari masa ke semasa," kata Doktor Lim kepada Puan Jaya.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

- 8 I Cikgu Lili dihormati kerana dia bersikap garang terhadap murid-muridnya.
- II Wanita bertudung hitam itu bukan emak saya dan saya tidak mengenalinya.
- III Jejantas baharu itu dibina untuk memudahkan pejalan-pejalan kaki melintas jalan.
- IV Kita mestilah mandi sekurang-kurangnya dua kali sehari agar badan kita bersih dan wangi.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Malaysia telah menghantar sukarelawan untuk membantu mangsa gempa bumi di Turkiye.
- A Turkiye mengharapkan bantuan Malaysia untuk menghantar sukarelawan.
 - B Mangsa gempa bumi di Turkiye telah dibantu oleh sukarelawan dari Malaysia.
 - C Malaysia dan Turkiye telah menghantar sukarelawan untuk membantu mangsa gempa bumi.
 - D Sukarelawan Malaysia telah dihantar ke Turkiye untuk membantu mangsa gempa bumi di sana.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Rupa-rupanya, murid yang pendiam itu ialah murid pintar.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa

- A rambut sama hitam, hati lain-lain.
- B bagaimana acuan, begitulah kuihnya.
- C diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
- D kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kijang yang Lelah

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema
Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba
Dia tidak lagi mampu menobat takhta
Mengorak telapak di tanah menghijau.

Saat itu
Sebak menyentap dahan kalbu
Dedaun resah mula berguguran
Pepohon batin akhirnya tumbang
Akarnya menguncup di perdu harap.

Hari ini
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki
Menghambat waktu yang bersisa
Walau dalam jera lelah
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga.

Bimbang tersadung akar dan jerat
Sang kijang lebih berhati-hati menapak
Meski dalam *peribadi yang keruh*
Diredah belantara yang mula teduh
Nun jauh di batas nuraninya
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah
terus mengorak penuh berhemah
dengan akal dan hati
dia tidak lagi gundah
menyusun gerak dan langkah.

Dipetik daripada sajak "Kijang yang Lelah",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Maksud rangkai kata *peribadi yang keruh* ialah

- A suasana yang sukar.
- B keadaan yang lemah.
- C perbuatan yang buruk.
- D situasi yang samar-samar.

- 12 Berdasarkan rangkap kedua sajak, apakah perasaan sang kijang?
- A Sedih dan resah
 - B Malu dan kecewa
 - C Gelisah dan hampa
 - D Bimbang dan keliru
- 13 Sang kijang tetap berhati-hati kerana
- A telah kehilangan kuasanya.
 - B dirinya semakin tua dan lemah.
 - C takut tersadung akar dan terkena jerat manusia.
 - D tubuhnya tidak lagi gagah seperti zaman mudanya.
- 14 Berikut adalah antara ciri-ciri sajak "Kijang yang Lelah", **kecuali**
- A bentuknya bebas.
 - B mempunyai empat rangkap.
 - C setiap rangkap mempunyai empat hingga sepuluh baris.
 - D bilangan perkataan dalam setiap baris antara dua hingga enam perkataan.
- 15 Pernyataan berikut **benar** berdasarkan sajak, **kecuali**
- A Sang kijang telah terkena jerat manusia.
 - B Sang kijang sudah tidak gagah dan berkuasa.
 - C Sang kijang berasakan dirinya tidak diperlukan lagi.
 - D Sang kijang terus melangkah dengan menggunakan akal fikiran dan kewarasannya.